



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Agensi Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah



**KENYATAAN SEBUT HARGA
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan perkhidmatan berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK KERJA	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
086/2026/0063	CADANGAN PERKHIDMATAN MEREKABENTUK, MEMBEKAL, MENYEDIA, MENYELARAS DAN MENYELIA DEKORASI PENTAS, SIARAYA, PENCAHAYAAN, SKRIN LED, VOICE OVER UNTUK MAJLIS ANUGERAH USAHAWAN MARA (AURA) 2026	221302 dan 221304, 221305	25/09/2026 (Jumat) Hingga 02/10/2026 (Jumaat)	RM5.00	02/10/2026 (Hari Jumaat) (Sebelum 12.00 tengah hari)

2. Syarikat hendaklah mengemukakan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**, **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dan **SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC-TAX COMPLIANCE CERTIFICATE) BERSTATUS PATUH** yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen.
3. Satu (1) salinan fotostat **Sijil Asal** bagi dokumen di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **MARA** semasa hendak membeli dokumen. **MARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **MARA** tidak layak.
4. Bayaran dokumen sebut harga dibuat secara **KAD DEBIT** atau melalui <https://bayar.maraeps.my>. Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) Syarikat hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga dan mengemukakan (1) tawaran sebut harga sahaja.
5. Dokumen sebut harga boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi - 1.00 petang / 2.00 hingga 4.30 petang) pada hari Isnin hingga Khamis dan (8.30 pagi - 12.15 tengah hari / 2.45 hingga 4.30 petang) pada hari Jumaat di alamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas daripada tarikh akhir tempoh penjualan dokumen ini.
6. Sekiranya pembelian dokumen dibuat melalui **MARAEPS**, dokumen sebut harga hendaklah segera diambil dalam tempoh penjualan dokumen yang ditetapkan. Kegagalan pengambilan dokumen sehingga tarikh penjualan tidak akan dilayan. Kegagalan penyebutarga mematuhi syarat ini maka wang pembelian dokumen yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
7. Semua kos yang terlibat dengan tawaran sebut harga di atas adalah menjadi tanggungjawab syarikat masing-masing.
8. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
9. Sekiranya pembekal memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen Sebut harga (hard copy) yang lengkap selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup Sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Sebut harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah :

PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,
21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR

Sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengah hari

10. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tertutup sebut harga serta **tidak memasukkan dokumen sebut harga mengikut peti sebut harga yang telah ditetapkan akan ditolak**. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>.
11. Syarikat hendaklah memastikan dokumen sebut harga tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengahari sekiranya memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar /kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
12. Sebarang urusan sebut harga perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.